



JURNAL LATIHAN INDUSTRI

PROGRAM OJT - PENGURUSAN LAPANGAN TERBANG

MENEROKAI INDUSTRI PENERBANGAN

 +03 3181 8516

 www.transairmalaysia.com

 Jalan Pramugara, Sepang

 airlinejobtransair@yahoo.com



TRANSAIR ACADEMY INTERNATIONAL

PENGURUSAN TERTINGGI



Datin Suhaila Jalaluddin
Presiden



Capt. M. Nurizzat Rosli
Deputy President
(Finance)



Dato' Seri Dr. Too Cheng Huat
Chief Advisor
(International Programme)



Mohamad Nasir Bin Hamid
Director
(Commercial Operation)



Wan Mohd Faizulrizal Harun
Asst. Director
(Pilot Training)



Zulaini Haji Sidek
Vice President
(Administration)



Husniza Zainin
Vice President
(Marketing)



Saidatul Akma Shaharum
Vice President
(Training)

PENGENALAN

Transair Academy menawarkan kursus dalam krew kabin, kejuruteraan dan latihan perintis kepada individu yang bercita-cita ingin mencari kerjaya dalam industri penerbangan. Transair Academy memberi peluang kepada individu untuk meningkatkan atau mendapatkan perkembangan profesional, dengan pelbagai kursus pendek untuk memajukan lagi kerjaya dalam industri penerbangan. Hasilnya, lebih daripada 1000 graduan telah bekerja di seluruh dunia.



Semua program Transair Academy direka dengan tumpuan yang seimbang antara pengetahuan, kemahiran, nilai dan pengalaman, memastikan bahawa graduan memasuki pekerjaan dengan kemahiran yang tinggi dan pemahaman yang menyeluruh mengenai kualiti penerbangan, keselamatan dan piawaian alam sekitar. Transair Academy komited untuk memberikan latihan yang berkualiti, fleksibel dan kos yang terakreditasi kepada individu dan syarikat.

Transair Academy merupakan Pusat Latihan Penerbangan tertua di rantau ini dan

dilesenkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia. Ia ditubuhkan pada 30 Jun 1988. Akademi ini adalah akademi yang pertama menawarkan kursus-kursus penerbangan seperti Reservation and Airline Ticketing Courses, Career Seminars for Reservatiion and Ticketing Officers, Flight Attendants, Airlines Pilots dan Aircraft Engineers. Transair Academy juga menawarkan kursus-kursus Professional Pilot Training di Transair Royhle Flying Academy, Dumaguete City, Negros Oreintal, Filipina. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah seperti berikut:

1. *Private Pilot License*
2. *Commercial Pilot License*
3. *Instrument Rating*
4. *Multi Engine Rating*
5. *Flight Instructor Rating*
6. *Type Rating B737 – A320*



Transair Academy dipengerusikan oleh Dato' Seri Dr. Muhamad Rosli Bin Che Wan. Sebelum ini beliau pernah berkhidmat sebagai air charter di MAC dan Singapore Airline. Dengan pengalaman yang luas dalam bidang

Flight Training Department dan Technical Crew Operations, beliau menubuhkan Transair Academy pada tahun 1988.



Pada tahun 1990 hanya dua Airline Training Schools yang diberikan lesen oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia iaitu Transair Academy dan Malaysia Airline Academy. Setahun kemudian Training Centre and Tourism College diluluskan penubuhannya oleh Kerajaan Malaysia dalam bidang akademik sahaja.



Lewat 90an, Transair Academy telah dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia Malaysia sebagai Higher Skill Training Centre. Pada tahun 2000, akademi ini mula mengambil pelajar-pelajar daripada negara-negara Asean seperti Indonesia, Thailand, Singapore, Filipina, Brunei serta Iran, Belarus dan lain-lain. Ramai lulusan Transair Academy telah pun bekerja dengan syarikat-syarikat penerbangan yang terkemuka seperti Air Asia, Malaysia Airlines, Firefly, Kuala Lumpur Airport Services, Singapore Airlines serta lebih 3000 agensi penerbangan di Malaysia.



Syarikat-syarikat Penerbangan sering menawarkan peluang pekerjaan kepada pelajar-pelajar Transair Academy kerana pelajar-pelajar ini terlatih dan berkemahiran tinggi dalam bidang berkaitan. Transair Academy mengalu-alukan penglibatan Syarikat Penerbangan untuk membantu meningkatkan lagi standard latihan dan akademik dalam bidang pengurusan lapangan terbang pada masa-masa akan datang.

**PROGRAM ON JOB TRAINING (OJT) – PENGURUSAN LAPANGAN TERBANG BERSAMA
TRANSAIR ACADEMY INTERNATIONAL SDN. BHD.**

Noor Mohd Kamal Bin Mat
Unit Perhubungan dan Latihan Industri,
Politeknik Sultan Azlan Shah

"Selamat Pagi tuan-tuan dan puan-puan, Saya bagi pihak Penerbangan Malaysia mengucapkan selamat terbang. Penerbangan kita ke Kuching akan mengambil masa selama 1 jama 40 minit. Makan minum akan dihidangkan. Tuan-tuan dan puan-puan diminta menegakkan tempat duduk, memasang tali pinggang keledar dan jangan merokok. Terima kasih"

"Ini adalah suara pertama yang saya dengar 32 tahun lalu. Penerbangan pertama saya daripada Lapangan Terbang Subang ke Kuching dengan MH60 0645 dengan pesawat kecil F27. Tujuan pertama saya ke Kuching adalah untuk melapor diri sebagai staff baru di SQ. Saya bermula dari bawah sebagai Reservation & Ticketing Staff sehingga ke Kadet Pilot. Kita berkongsi pengalaman kerjaya ini bersama Transair Academy" – Dato' Seri Dr. Muhammad Rosli Bin Che Wan, Pengerusi Transair Academy International Sdn. Bhd.



Pengenalan

Tanggal 16 Ogos 2018, Politeknik Sultan Azlan Shah melebarkan sayap hubungan industri ke pengurusan lapangan terbang dengan temerterainya Nota Persefahaman (NOU) di antara Transair Academy International Sdn Bhd dan Politeknik Sultan Azlan Shah (PSAS). Melalui NOU berkenaan, pihak Transair Academy akan melatih dan melaksanakan program latihan terus bekerja atau *On Job Training* (OJT) pelajar-pelajar latihan industri daripada PSAS dalam bidang pengurusan lapangan terbang selama 5 bulan. Pelajar-pelajar ini akan ditawarkan peluang kerjaya bersama syarikat-syarikat penerbangan dan vendor-vendor di KLIA atau KLIA2.



Sesi Ceramah dan Taklimat

Bakal pelajar Latihan Industri akan menghadiri Sesi Taklimat dan Ceramah ringkas oleh pihak Transair Academy di Politeknik Sultan Azlan Shah. Pihak Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) PSAS akan menjadi urusetia program berkenaan. Secara ringkasnya, taklimat

berkenaan akan menjelaskan peranan Transair Academy dalam menempatkan pelajar-pelajar untuk mengikuti OJT bersama syarikat-syarikat penerbangan dan vendor-vendor di KLIA dan KLIA 2. Pelajar akan dimaklumkan dengan suasana pekerjaan di lapangan terbang dan peluang kerjaya yang boleh diperolehi apabila tamat program OJT kelak.



Sesi Pemilihan dan Temuduga

Setelah menghadiri sesi taklimat, para pelajar yang berminat akan mengikuti pula sesi temuduga dan pemilihan. Beberapa kriteria penting akan dijadikan *benchmark* kepada

pelajar seperti keputusan peperiksaan, penampilan, tahap keyakinan, ketrampilan dan kesanggupan pelajar untuk terus bekerja secara *shift*.



Pelajar-pelajar yang berjaya melepasi sesi temuduga akan diberikan surat tawaran yang menyatakan dengan jelas tarikh lapor diri, barangan keperluan, dokumen-dokumen yang berkaitan, kadar yuran latihan, penginapan dan pengangkutan. Transair Academy menyediakan

penginapan di Apartment Langat Utama, Jalan Pramugara, Banting, Selangor iaitu kira-kira 10 km daripada KLIA dan KLIA 2.



Latihan Terus Bekerja

Pelajar-pelajar akan melapor diri pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak Transair Academy dan akan terus mengikuti Latihan Terus Bekerja selama 3 minggu di Bilik Kuliah, Transair Academy. Semasa tempoh latihan berkenaan, pelajar OJT akan mempelajari beberapa perkara berkaitan pengurusan lapangan terbang seperti berikut:

1. *Grooming & Personality*
2. *Introduction To International Air Transport Association (IATA)*
3. *Introduction To World Time Zone*
4. *Airline Geography*
5. *Airlines Communication, Abbreviation, Analogies & In Flight Services*
6. *Ground Handling / Customer Services / Introduction To AMADEUS System*
7. *Travel Information Manual (TIM)*
8. *Introduction To Tourism Industry*

9. *Career As A Cabin Crew*
10. *Customer Care*
11. *Food & Beverage*
12. *Communication Skill*
13. *Basic First Aid & Safety Procedure*
14. *Interview Techniques & Guidelines*



Pengurusan Penempatan Pekerjaan Bersama Syarikat Penerbangan atau Vendor

Setelah tamat 3 minggu mengikuti Latihan Terus Bekerja, pelajar akan ditempatkan bersama syarikat-syarikat penerbangan seperti Malaysia Airlines, Air Asia, Malindo Airways, Cathay Dragon, Singapore Airline, Garuda Indonesia, Qatar Airways, Turkish Airline dan lain-lain. Selain syarikat penerbangan, pelajar juga akan menjalani program OJT bersama vendor-vendor

di KLIA seperti Geopower, Pos Aviation, Aerodarat dan lain-lain lagi.





Lawatan Pemantauan dan Penyeliaan

Semasa tempoh OJT selama 5 bulan, pihak UPLI dan Transair Academy akan melaksanakan proses pemantauan dan penyeliaan. Pelajar OJT akan dipantau oleh pegawai-pegawai daripada UPLI PSAS selaras dengan takwim pemantauan

pelajar Latihan Industri Politeknik Malaysia. Pelajar perlu memastikan Jurnal Refleksi (RJ) direkodkan dengan aktiviti-aktiviti OJT dan sentiasa dikemaskini.

Mereka juga akan dibimbing untuk melengkapkan Laporan Akhir Latihan Industri (IR) sebagai persediaan untuk menghadapi Sesi Pembentangan dan Penilaian apabila tamat program OJT kelak.



Sesi Pembentangan dan Penilaian

Setelah tamat tempoh OJT di Lapangan Terbang, pelajar akan mengikuti Sesi Pembentangan dan Penilaian Laporan Akhir Latihan Industri. Sesi ini akan diadakan di Transair Academy melibatkan panel-panel penilai terdiri daripada pensyarah PSAS, pegawai UPLI dan pengurusan tertinggi Transair Academy. Pelajar perlu melengkapkan Laporan Akhir Latihan Industri (IR) dan menyediakan slaid pembentangan.



Majlis Penyerahan Sijil Tamat OJT

Apabila tamat sesi pembentangan dan penilaian, pelajar program OJT akan diraikan dengan Majlis Makan Malam Sempena Penyerahan Sijil Tamat Program OJT Pengurusan Lapangan Terbang. Majlis ini akan dihadiri oleh pengurusan tertinggi PSAS dan Transair Academy. Pelajar diberi peluang untuk berkongsi pengalaman mereka bersama-sama para tetamu jemputan.



Kesimpulan

Program ini memberikan impak yang sangat tinggi dalam kebolehpasaran pelajar politeknik (GE). Ini kerana pelajar program OJT ditawarkan peluang untuk meneruskan kerjaya mereka bersama-sama pemain-pemain industri di KLIA. Berdasarkan statistik, 70% atau 12 orang pelajar meneruskan kerjaya mereka di lapangan terbang setelah tamat program OJT 1.0 pada Latihan Industri Sesi Disember 2017 melibatkan 17 orang pelajar. Untuk Latihan Industri Sesi Jun 2018 pula, 30 orang pelajar sedang menjalani Program OJT – Pengurusan Lapangan Terbang 2.0 yang bermula pada bulan Jun 2018 dan dijangka tamat pada bulan November 2018 ini.

Secara ringkasnya, Program OJT Pengurusan Lapangan Terbang melibatkan beberapa aktiviti seperti berikut:

1. Sesi Ceramah dan Taklimat kepada bakal pelajar Latihan Industri
2. Sesi Temuduga dan Pemilihan
3. Latihan Terus Bekerja
4. Pengurusan Penempatan Pekerjaan Bersama Syarikat Penerbangan atau Vendor
5. Lawatan Pemantauan dan Penyeliaan
6. Sesi Pembentangan dan Penilaian
7. Majlis Penyerahan Sijil Tamat OJT

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PENYERAHAN SIJIL TAMAT OJT






**MESYUARAT PENGURUSAN TRANSAIR ACADEMY BERSAMA TIMBALAN PENGARAH
AKADEMIK DAN KETUA-KETUA JABATAN PSAS**



MAJLIS MENANDATANGANI NOU DI ANTARA PSAS DAN TRANSAIR CORPORATION



LAWATAN UPLI PSAS KE TRANSAIR DAN KLIA



NO: PSAS/C/SEC/CoC/21(2018)



STRATEGIC COLLABORATION

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH (PSAS)

MINISTRY OF HIGHER EDUCATION

AND

TRANSAIR CORPORATION SDN BHD

(Company registration number: 761936-H)

Both parties will collaborate towards the successful implementation of the following activities:

POLITEKNIK SULTAN AZLAN SHAH

- To accommodate sharing of facilities, equipment and training venues at the PSAS
- To develop learning spaces at PSAS in collaboration with TRANSAIR CORPORATION SDN BHD
- For sharing of expertise and consultation of training especially in related fields
- To provide forums for information exchange through discussion, lectures and conferences related to the various programmes in the department.
- To improve students employability.

TRANSAIR CORPORATION SDN BHD

- To provide opportunities for polytechnic students to undergo industrial training/work-based learning hence equipping them for real work experience.
- To make available career opportunities for PSAS graduates at TRANSAIR CORPORATION SDN BHD
- To provide polytechnics' lecturers for job exposure through staff attachment program at TRANSAIR CORPORATION SDN BHD
- To contribute expertise and competency in the curriculum review.
- To collaborate actively in the related activities conducted by PSAS.

Signed by:

Politeknik Sultan Azlan Shah

(DR NAIMAH BINTI MD. KHALIL)
DIRECTOR

Date:

TRANSAIR CORPORATION SDN BHD

(DATO' SRI DR MUHAMAD ROSLI CHE WAN)
DIRECTOR

Date:





KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Kolaborasi Strategik

JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI

DAN

TRANSAIR CORPORATION SDN BHD

Dengan ini dipersetujui bahawa kedua-dua pihak akan mengadakan kolaborasi dalam menjayakan program berikut:

JABATAN PENGAJIAN KOLEJ KOMUNITI

- Pemberian latihan kepada peserta dari industri
- Perkongsian kepakaran dan perundingan latihan
- Perkongsian kemudahan, peralatan dan tempat latihan

TRANSAIR CORPORATION SDN BHD

- Menyediakan kepakaran dan perundingan latihan
- Membuka peluang kerjaya kepada pelajar Kolej Komuniti
- Menyediakan penempatan latihan industri



20 MEI 2014

